

Sukma XIII: Khidmat sukarelawan masih diperlukan

SUKAN Malaysia (Sukma) XI-II memerlukan lebih 1,000 sukarelawan untuk memenuhi keperluan 3,542 sukarelawan bagi membantu menjayakan temasya itu yang bermula 10 Jun ini.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, pada masa sekarang,

2,500 sukarelawan telah mendaftar diri bagi memikul tanggungjawab sebagai duta kecil pada temasya yang julung kali diadakan di Melaka.

"Saya telah meminta sukarelawan yang ada membawa seorang kawan mereka untuk mencukupkan jumlah keseluruhan sukarelawan yang di-

perluan pada Sukma kali ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat kepada lebih 2,000 sukarelawan yang hadir pada Majlis Perhimpunan Perdana Sukarelawan Sukma XIII di Dewan Seri Negeri, Melaka semalam.

Beliau berkata, bagi menggalakkan orang ramai men-

daftar diri, sukarelawan akan diberi elaun sebanyak RM30 sehari, pakaian, makanan dan minuman sepanjang temasya itu berlangsung.

Bagi yang berminat boleh menghubungi sekretariat Sukma di Stadium Hang Jebat di Krubong untuk makluman lanjut.



SUKAN MASUM FASA II
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
23-30 MEI 2010
www.masum.org.my

UiTM jaguh futsal Masum

Oleh HELMI TALKAH

helmi.talkah@kosmo.com.my

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) mendominasi acara futsal bagi kategori lelaki dan wanita apabila muncul juara pada Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) Fasa II semalam.

Pada aksi final yang berlangsung di Sport Planet Kajang, Selangor itu, pasukan lelaki UiTM mudah menewaskan juara bertahan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 4-2 untuk dinobatkan selaku juara.

Terdahulu, pasukan wanita UiTM bergelar juara setelah berjaya membenam cabaran Universiti Sains Malaysia (USM) 2-0 dalam aksi final.

UiTM turut mengungguli acara silat apabila mengutip enam pingat emas dengan empat disumbangkan menerusi kategori putra manakala dua lagi dalam kategori puteri.

Selain enam pingat emas, UiTM berjaya meraih dua pingat perak dan tiga gangsa.

Sementara itu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dijadual berdepan UiTM pada final acara bola baling lelaki setelah



berjaya menewaskan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) 9-6 pada saingan separuh akhir semalam.

UiTM pula mara ke final dengan bergaya apabila mudah menun-

dukan Universiti Utara Malaysia (UUM) 13-7 dalam satu lagi saingan separuh akhir.

Bagi kategori wanita, UiTM membuktikan kehebatan apabila mengesahkan tempat ke final se-

lepas menewaskan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) 9-1.

Pada aksi final hari ini, UPNM akan berdepan UPSI yang menundukkan Universiti Malaya (UM) 6-4

Sukan **MASUM II**

Jadual Pertandingan

HARI INI

BOLA BALING (LELAKI/WANITA)

Venue: Kompleks Sukan USIM, Nilai, NS
Masa: 8.30 pagi

BOLA KERANJANG (LELAKI/WANITA)

Venue: Stadium Tertutup Nilai, NS
Masa: 8.30 pagi - 8.30 malam

MAJLIS PENUTUP SUKAN MASUM 2010

Venue: Stadium Tertutup Nilai, NS
Masa: 3 petang

BARISAN
pemain
UiTM
meraikan
kejayaan
muncul
juara acara
futsal lelaki
Sukan
Masum
di Kajang
semalam.

pada peringkat separuh akhir.

Dalam aksi separuh akhir bola keranjang lelaki, UiTM menewaskan USM 80-60, sekali gus menngesahkan slot ke final bagi berdepan UM yang menang 63-46 ke atas UUM.

Kategori wanita pula menyaksikan penguasaan UPM yang mudah menewaskan UM 87-20 untuk mara ke final dan dijadual berdepan menentang UUM yang menang 60-30 ke atas USM.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengungguli acara kriket apabila berjaya meraih pingat emas diikuti (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menggorol perak dan UiTM (gangsa).